

D.R. 13/2019

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Perhimpunan Aman 2012.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 3

2. Akta Perhimpunan Aman 2012 [*Akta 736*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 3 dengan memotong takrif “protes jalanan”.

Pindaan seksyen 4

3. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perenggan (c);

(b) dalam subseksyen (2), dengan memotong perenggan (c);
dan

(c) dalam subseksyen (3), dengan memotong perkataan “(c),”.

Pindaan seksyen 9

4. Subseksyen 9(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “sepuluh hari” dengan perkataan “tujuh hari”.

Pindaan seksyen 12

5. Subseksyen 12(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “empat puluh lapan jam” dengan perkataan “dua puluh empat jam”.

Pindaan seksyen 16

6. Seksyen 16 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “empat puluh lapan jam” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “dua puluh empat jam”.

Pindaan seksyen 21

7. Subseksyen 21(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perenggan (b).

Seksyen baharu 21A

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk mengkompaun kesalahan

21A. (1) Pegawai yang Menjaga Daerah Polis boleh, dengan keizinan secara bertulis oleh Pendakwa Raya, mengkompaun mana-mana kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 9 atau 15 dengan membuat suatu tawaran bertulis

kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Pegawai yang Menjaga Daerah Polis apa-apa amaun wang yang tidak melebihi lima ribu ringgit dalam apa-apa masa sebagaimana yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya telah dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Pegawai yang Menjaga Daerah Polis, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat, dan apa-apa dokumen atau benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Pegawai yang Menjaga Daerah Polis, tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pegawai yang Menjaga Daerah Polis.”.

Kecualian

9. (1) Pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, kehendak mengenai tempoh yang berhubungan dengan pemberitahuan bagi suatu perhimpunan di bawah seksyen 9, 12 dan 16 Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini hendaklah terpakai bagi mana-mana pemberitahuan yang diberikan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini berkenaan dengan suatu perhimpunan yang belum diadakan.

(2) Apa-apa penyiasatan, pendakwaan atau prosiding berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ibu yang belum selesai di bawah Akta ibu boleh, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perhimpunan Aman 2012 (“Akta 736”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2, 3 dan 7* bertujuan untuk meminda seksyen 3, 4 dan 21 Akta 736 masing-masing untuk meniadakan kesalahan yang berhubungan dengan protes jalanan. Berikutan dengan perubahan dasar Kerajaan, Kerajaan berpandangan bahawa hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata bolehlah termasuk hak untuk menganjurkan atau menyertai suatu protes jalanan selagi protes jalanan itu tidak membawa apa-apa ancaman atau memberi kesan terhadap keselamatan Persekutuan atau ketenteraman awam. Protes jalanan itu juga mestilah diadakan dengan cara yang mengambil kira perlindungan hak dan kebebasan orang lain. Sekiranya suatu protes jalanan menyebabkan apa-apa kacau ganggu, atau melibatkan apa-apa perbuatan ganas atau perlakuan apa-apa kesalahan jenayah, perlakuan itu bolehlah ditangani di bawah undang-undang sedia ada lain seperti Kanun Keseksaan [*Akta 574*] dan Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

4. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 736 untuk memendekkan tempoh pemberitahuan bagi suatu perhimpunan daripada sepuluh hari kepada tujuh hari, sebelum tarikh perhimpunan itu. Ini adalah untuk memudahkan lagi perhimpunan aman diadakan.

5. *Fasal 5 dan 6* bertujuan untuk meminda seksyen 12 dan 16 Akta 736 masing-masing berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 9 Akta 736.

6. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 21A untuk mengadakan peruntukan mengenai kuasa untuk mengkompaun kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 9 dan 15 Akta 736.

7. *Fasal 9* mengandungi peruntukan kecualian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3147]